

NO. SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK

TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci apakah program yang dilaksanakan di bawah Butiran Projek 00108 "Program Pembangunan" di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan bagaimanakah peruntukan RM610 juta tersebut dibelanjakan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan RM610 juta di bawah Butiran 00108 "Program Pembangunan" telah berkurangan kepada RM417 juta berikutan Pengubahsuaian Bajet 2016. Terdapat dua projek fizikal dan enam program bukan fizikal di bawah butiran berkenaan seperti berikut:

Bil	Nama Projek	Jenis kategori	Pindaan Tunai 2016
1	Menaiktaraf Pusat Latihan Fizikal Keselamatan Perlindungan Malaysia, Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan	Fizikal	2,000,000.00
2	Pembinaan Bangunan Guna Sama, Tunjong, Kota Bharu, Kelantan	Fizikal	8,500,000.00
3	Program Pembangunan Bumiputera	Bukan Fizikal	100,000,000.00
4	Program Pembiayaan Keusahawanan PUNB	Bukan Fizikal	150,000,000.00
5	Program Peneraju Profesional	Bukan Fizikal	43,649,775.00
6	Program Peneraju Skil Dan Iltizam	Bukan Fizikal	50,000,000.00
7	Program Peneraju Tunas	Bukan Fizikal	38,508,227.00
8	Program Premis Perniagaan PUNB	Bukan Fizikal	25,000,000.00

Bagi program bukan fizikal, secara keseluruhannya melibatkan pembiayaan berbentuk pinjaman perniagaan dan juga pembiayaan untuk latihan kemahiran dan pemberian biasiswa. Kumpulan sasar yang terlibat adalah di kalangan Bumiputera merangkumi usahawan, pelajar dan juga belia. Manakala projek fizikal di bawah butiran ini merupakan projek pembinaan yang melibatkan naiktaraf bangunan dan pembinaan kompleks pejabat Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.